

Nama Pemberi Hibah:	
No. Pengenalan Diri:	


SENARAI SEMAK PEMOHON	
Dokumen yang diperlukan:	Sila tanda (✓)
a. Borang asal PH1A yang telah dilengkapkan	
b. Salinan dokumen pengenalan diri Pemberi Hibah	
c. Salinan dokumen pengenalan diri Penerima Hibah	
d. Salinan dokumen pengenalan diri Penjaga Sah bagi Penerima Hibah bawah umur 18 tahun atau kurang upaya mental	
e. Salinan dokumen pengenalan diri Saksi	
f. Akad/lafaz pemberian dan penerimaan harta Hibah bagi Penerima Hibah Dewasa/Penjaga Sah dan pelantikan Pemegang Amanah Gantian PH1A (A) yang telah dilengkapkan	
g. Surat Kuasa Wakil yang telah dilengkapkan	

ARAHAN PENTING: Sila pastikan kesemua salinan dokumen pengenalan diri (DPD) telah disahkan benar semasa penyerahan dokumen. Pengesahan salinan DPD boleh dilaksanakan oleh pegawai-pegawai berikut:

1. Pegawai ASNB / Ejen ASNB
2. Penghulu / Ketua Kampung (Termasuk Ketua Kaum / Tuai Rumah bagi Sabah & Sarawak)
3. Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli
4. Pegawai Pengurusan dari Bahagian Sumber Manusia
5. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Profesional

UNTUK KEGUNAAN ASNB / EJEN ASNB			
Yuran Diterima:	RM	No. Surat Ikatan:	HA
			Cop ASNB/ Ejen

	Pegawai Perunding	Disemak	Disahkan
Tandatangan			
Nama			
Jawatan			
No. Kakitangan			
Tarikh			



BAHAGIAN A: MAKLUMAN DAN AKUAN PEMOHON

1.0 TERMA DAN SYARAT HIBAH AMANAH

- Pemberi Hibah mestilah seorang yang berumur 18 tahun dan ke atas, beragama Islam, warganegara dan merupakan pemegang unit tabung unit amanah yang diuruskan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).
- Tabung unit amanah yang ingin dihibahkan hendaklah:
 - Mempunyai baki minimum 1,000 unit atau sebarang jumlah yang akan ditetapkan oleh ASNB dari semasa ke semasa, tidak termasuk pelaburan menerusi KWSP.
 - Baki minimum setiap tabung unit amanah yang dihibahkan mestilah dikekalkan sebanyak 1,000 unit sepanjang tempoh Hibah Amanah. Waiau bagaimanapun, unit ini boleh berkurangan jika berlaku penolakan Yuran Pentadbiran daripada 1,000 unit yang dibekukan / diblok. Sekiranya, penolakan dibuat pada 1,000 unit yang dibekukan / diblok, unit akan dimasukkan semula dari pengagihan pendapatan (jika ada) kelak. Unit ini akan ditempatkan dalam bahagian Pelaburan Khas Hibah Amanah tabung unit amanah yang diamanahkan serta layak untuk pengiraan pengagihan pendapatan, jika ada.
 - Pemberi Hibah menghibahkan tabung unit amanah yang melibatkan unit milik penuh / mutlak Pemberi Hibah dan bukan unit yang bercagar (Harta Hibah).
 - Hanya unit milik penuh sahaja yang akan dibahagikan kepada Penerima Hibah mengikut pembahagian yang telah ditetapkan.
 - Unit yang bercagar adalah tertakluk kepada perjanjian antara pemegang unit dengan institusi pemberi pinjaman (IPP) dan akan dibayar kepada IPP selepas pemegang unit meninggal dunia kelak dan apabila tuntutan dibuat oleh Penerima Hibah.
- Penerima Hibah adalah terhad kepada sepuluh (10) orang sahaja bagi setiap perjanjian Hibah Amanah.
 - Penjaga sah hendaklah dilantik jika Penerima Hibah berumur bawah 18 tahun atau kurang upaya mental.
 - Penjaga sah mestilah terdiri daripada ibu, bapa, datuk, nenek, abang / kakak atau mana-mana pihak yang diiktiraf oleh ASNB dan / atau undang-undang yang berkaitan.
 - Penjaga sah perlu berlaku adil dan bertanggungjawab di atas segala transaksi untuk kepentingan Penerima selagi Penerima Hibah berusia bawah 18 tahun atau kurang upaya mental.
- Kedua-dua pihak Pemberi Hibah dan Penerima Hibah bersetuju melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk melaksanakan pembahagian Harta Hibah mengikut kaedah pembahagian dan syarat-syarat yang dipersetujui kepada Penerima Hibah.
- Pemberi Hibah dikehendaki melengkapkan Surat Kuasa Wakil yang memberi kuasa kepada ASNB untuk melaksanakan tindakan, perkara dan / atau apa-apa sahaja hal yang lain ke atas Harta Hibah.
- ASNB berhak menarik balik perjanjian Hibah Amanah sekiranya:
 - Pemberi Hibah didapati hilang kelayakan sebagai pemegang unit ASNB atau Pemberi Hibah didapati melanggar terma dan syarat Hibah Amanah.
 - Terdapat sebarang peruntukan undang-undang yang memerlukannyanya berbuat demikian sehingga perkara tersebut diselesaikan dengan pihak yang terbabit. ASNB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak berhubung dengan sebarang tindakan yang diambil di bawah klausa ini.
- Pemohonan pembatalan dan pindaan terhadap Hibah Amanah ini hanya boleh dilakukan jika ianya melibatkan hibah kepada anak kandung atau cucu kandung. Kemukakan Akuan Penyerahan dan Penerimaan Harta-harta Hibah Amanah yang lengkap sekiranya melibatkan Penerima Hibah selain dari anak kandung dan cucu kandung.
- Sekiranya Pemberi Hibah hilang keupayaan mental, sebarang urusan niaga berkaitan Harta Hibah adalah tertakluk kepada Surat Ikatan tabung unit amanah ASNB dan arahan mahkamah.
- Yuran Pendaftaran akan dikenakan semasa pembentukan Hibah Amanah ini.
- Yuran Pentadbiran tersebut akan dikenakan dari jumlah pengagihan pendapatan (jika ada), dari tabung unit amanah yang dipilih pada Bahagian B Perkara 1.0 No. 10 atau dari jumlah pelaburan tunai tabung unit amanah yang sama atau dari 1,000 unit yang dibekukan / diblok. Sekiranya, penolakan dibuat pada 1,000 unit yang dibekukan / diblok, unit akan dimasukkan semula dari pengagihan pendapatan (jika ada) kelak. Yuran ini boleh dikecualikan untuk tahun pertama pendaftaran Hibah Amanah ini atau mengikut budi bicara ASNB.
- Pembayaran tuntutan Harta Hibah akan dilaksanakan berdasarkan kaedah semasa, jumlah dan tempoh yang ditetapkan oleh ASNB. Ianya tertakluk kepada pindaan mengikut budi bicara ASNB. Jumlah yang dibayar kepada Penerima Hibah adalah baki unit semasa tabung unit amanah setelah urusan niaga dilakukan oleh Pemberi Hibah semasa hayatnya termasuk sebarang penambahan daripada pengagihan pendapatan (jika ada) dan yuran yang dikenakan oleh ASNB.

2.0 PENGESAHAN LANGGANAN

Saya dengan ini mengaku bahawa:

- Saya telah membaca dan menerima penerangan yang terperinci tentang setiap terma dan syarat perkhidmatan Hibah Amanah ini.
- Saya faham dan bersetuju untuk mematuhi setiap terma dan syarat yang terkandung dalam semua dokumen berkaitan dengan perkhidmatan Hibah Amanah ini.
- Saya bersetuju membayar Yuran Pendaftaran kepada ASNB untuk menyediakan dokumen Hibah Amanah ini. Sekiranya saya tidak berhasrat untuk meneruskan proses Hibah Amanah ini, yuran tersebut tidak akan dipulangkan.
- Segala maklumat di dalam borang permohonan ini adalah benar.
- Saya bersetuju untuk membenarkan ASNB dan kakitangan yang terlibat mempunyai akses melihat dan mengguna maklumat peribadi saya yang disertakan bagi tujuan Hibah Amanah ini.
- Pembentukan Hibah Amanah hanya akan berkuatkuasa apabila semua dokumen berkaitan Hibah Amanah adalah lengkap.
- Dengan ini saya memohon ASNB untuk menyediakan dokumen berkaitan pembentukan Hibah Amanah ini.
- Saya bersetuju dengan yuran-yuran yang dikenakan oleh ASNB sepanjang tempoh pelaksanaan Hibah Amanah ini.
- Saya juga bersetuju membenarkan ASNB membuat penolakan Yuran Pentadbiran sepertimana dinyatakan pada Bahagian A, Perkara 1.0 (j) di atas.
- Saya bersetuju untuk menukar penerima Harta Hibah jika penerima adalah bukan pemegang unit ASNB yang tersenarai sebagai *Sanctioned Persons*.
- Saya bersetuju untuk pihak ASNB membekukan Harta Hibah jika saya atau ada antara penerima Harta Hibah yang tersenarai sebagai *Sanctioned Persons*.

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Pemohon

Nama: _____

Tarikh:

			-				-						
--	--	--	---	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--

Nama Penuh: (Seperti di dalam Kad Pengenalan)

*Pindaan tabung unit amanah untuk yuran pentadbiran setelah pendaftaran adalah tidak dibenarkan.

Sila buat salinan muka surat ini sekiranya Penerima Hibah yang dinamakan melebihi seorang. Sila tandakan (/) di kotak yang berkenaan.

3.0 MAKLUMAT PENERIMA HIBAH																													
Nama Penuh: (Seperti di dalam Kad Pengenalan)																													
No. K/P: (MyKad / MyTentera)								-								Lain-lain No. Pengenalan Diri:													Kurang Upaya Mental: (Sila tandakan jika berkaitan)
Jantina:		Lelaki			Perempuan			Tarikh Lahir:				/			/														
Warganegara:		Ya		Tidak		Hubungan dengan Pemberi Hibah:				Anak Kandung		Cucu Kandung		Lain-lain (Nyatakan)															
Alamat Tetap: (Perlu diisi jika berbeza dengan alamat Pemberi Hibah)																													
Poskod:							Negeri:																						
No. Telefon Bimbit:						No. Telefon Rumah:										No. Telefon Pejabat:													
Email:																													
Nama Bank:														No. Akaun Bank:															

3.1 MAKLUMAT PENJAGA SAH (Perlu dilengkapkan jika Penerima Hibah di bawah umur 18 tahun atau kurang upaya mental)																													
Nama Penuh: (Seperti di dalam Kad Pengenalan)																													
No. K/P: (MyKad / MyTentera)								-								Lain-lain No. Pengenalan Diri:													
Jantina:		Lelaki			Perempuan			Tarikh Lahir:				/			/														
Warganegara:		Ya		Tidak		Hubungan dengan Penerima Hibah: (sila nyatakan)																							
Alamat Tetap : (Perlu diisi jika berbeza dengan alamat Pemberi Hibah)																													
Poskod:							Negeri:																						
No. Telefon Bimbit:						No. Telefon Rumah:										No. Telefon Pejabat:													
Email:																													

Sila buat salinan muka surat ini sekiranya Penerima Hibah yang dinamakan melebihi seorang.

AKAD / LAFAZ PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HARTA HIBAH BAGI PENERIMA HIBAH DEWASA / PENJAGA SAH DAN PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH GANTIAN

1.0 LAFAZ PEMBERIAN HARTA HIBAH KEPADA PENERIMA HIBAH DAN PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH GANTIAN

- a. Saya seperti nama di bawah dengan suci hati tanpa paksaan mana-mana pihak, bersetuju menghibahkan Harta Hibah sepertimana yang dinyatakan di dalam jadual Harta Hibah di bawah termasuk segala faedah yang terhasil daripada Harta Hibah tersebut (jika ada) kepada Penerima Hibah.
- b. Mulai tarikh ini Penerima Hibah adalah pemilik Harta Hibah yang dinyatakan tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Surat Ikatan Hibah Amanah.
- c. Pengisytiharan Hibah Amanah ini adalah pengisytiharan terakhir dan terkini, mana-mana pengisytiharan yang dibuat terdahulu (termasuk hibah/wasiat/instrumen perwarisan lain) daripada Hibah Amanah ini adalah terbatal dan tidak diterima oleh pihak ASNB. Dengan ini Harta Hibah yang diisytiharkan di sini BUKANLAH harta pusaka selepas kematian saya.
- d. Sekiranya Penerima Hibah meninggal dunia terlebih dahulu daripada saya, maka Harta Hibah akan dikembalikan kepada saya. Bagaimanapun, sekiranya saya dan Penerima Hibah meninggal dunia serentak, Harta Hibah akan dibayar mengikut tatacara semasa tuntutan harta pusaka ASNB.
- e. Sekiranya Penerima Hibah meninggal dunia sebelum Harta Hibah diagihkan kepadanya, seorang wasi/pentadbir yang dilantik di bawah kuat kuasa undang-undang atau mengikut prosedur semasa yang ditetapkan oleh ASNB hendaklah hadir ke ASNB untuk membolehkan ASNB menyerahkan Harta Hibah tersebut untuk ditadbirkan dan diagihkan kepada waris-waris yang berhak.
- f. Saya melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk mentadbir Harta Hibah selepas kematian saya.
- g. Saya bersetuju untuk mengganti rugi ASNB terhadap apa-apa hal, tindakan, tuntutan, kerugian atau perkara yang berbangkit berhubung dengan pembentukan Hibah Amanah ini. Dengan pembayaran kepada Penerima Hibah / Penjaga Sah di bawah, ASNB adalah terlepas daripada sebarang liabiliti / tanggungjawab perundangan ke atas Hibah Amanah ini.
- h. Saya mengaku bahawa saya telah melengkapkan maklumat Penerima Hibah / Penjaga Sah, tabung unit amanah dan peratusan pembahagian semasa Akad ini ditandatangani oleh Penerima Hibah / Penjaga Sah dan Saksi-saksi.
- i. Sekiranya terdapat perbezaan maklumat di antara borang permohonan dan Surat Ikatan Hibah Amanah / Surat Ikatan Hibah Amanah Tambahan (jika ada) yang ditandatangani oleh saya, maklumat yang dikemaskini di sistem ASNB adalah muktamad.
- j. Saya faham bahawa pindaan ke atas maklumat pemberian Harta Hibah serta pembatalan Hibah Amanah ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dan tertakluk kepada prosedur semasa ASNB.

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Pemberi Hibah

JADUAL HARTA HIBAH (Nyatakan peratusan pembahagian kepada Penerima Hibah)													
Tabung Unit Amanah	ASB	ASB 2	ASB 3 Didik	ASM	ASM 2 Wawasan	ASM 3	ASN	ASN Equity 2	ASN Equity 3	ASN Imbang 1	ASN Imbang 2	ASN Sara 1	
Peratusan													

1.1 LAFAZ PENERIMAAN HARTA HIBAH (Sila lengkapkan maklumat yang diperlukan dan tandakan [/] pada ruangan yang berkenaan)

- ☐ **PENERIMA HIBAH DEWASA**
Saya, seperti nama di bawah bersetuju menerima peratusan bahagian Harta Hibah sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual Harta Hibah di atas termasuk segala faedah yang terhasil daripada Harta Hibah (jika ada).
- ☐ **PENJAGA SAH**
Saya, seperti nama di bawah dilantik sebagai Penjaga Sah kepada _____ No. Pengenalan Diri Penerima Hibah _____, dengan ini mengaku akan berlaku adil dan bertanggungjawab di atas segala transaksi yang terlibat untuk kepentingan dan kebajikan Penerima Hibah di bawah umur 18 tahun atau kurang upaya mental.

- a. Saya melantik Pemberi Hibah sebagai Pemegang Amanah kepada Harta Hibah dan membenarkan Pemberi Hibah menggunakan Harta Hibah untuk faedah dirinya, membuat semua urusan niaga dan mendapat semua manfaat yang berkaitan dengan Harta Hibah selama mana Pemberi Hibah masih hidup.
- b. Saya faham dan bersetuju bahawa selepas tuntutan dibuat apabila kematian Pemberi Hibah, jumlah yang akan dibayar kepada Penerima Hibah adalah baki unit semasa tabung unit amanah termasuk sebarang penambahan daripada pengagihan pendapatan (jika ada) dan tertakluk kepada yuran semasa yang dikenakan oleh ASNB.
- c. Sekiranya saya meninggal dunia terlebih dahulu daripada Pemberi Hibah, Harta Hibah akan dikembalikan kepada Pemberi Hibah. Bagaimanapun, sekiranya saya dan Pemberi Hibah meninggal dunia serentak, Harta Hibah akan dibayar mengikut tatacara semasa tuntutan harta pusaka ASNB.
- d. Sekiranya saya meninggal dunia sebelum Harta Hibah diagihkan kepada saya, seorang wasi/pentadbir yang dilantik di bawah kuat kuasa undang-undang atau mengikut prosedur semasa yang ditetapkan oleh ASNB hendaklah hadir ke ASNB untuk membolehkan ASNB menyerahkan Harta Hibah tersebut untuk ditadbirkan dan diagihkan kepada waris-waris yang berhak.
- e. Saya melantik ASNB sebagai Pemegang Amanah Gantian untuk mentadbir Harta Hibah selepas kematian saya dan / atau Pemberi Hibah tertakluk kepada tatacara semasa ASNB.
- f. Saya memahami dan bersetuju bahawa ASNB berhak untuk membekukan dan menguruskan Harta Hibah jika terdapat sebarang peruntukan undang-undang yang memerlukannyanya berbuat demikian sehingga perkara tersebut diselesaikan dengan pihak yang terbabit.
- g. Saya dengan ini bersetuju untuk mengganti rugi ASNB terhadap apa-apa hal, tindakan, tuntutan, kerugian atau perkara yang berbangkit berhubung dengan pembentukan Hibah Amanah ini. ASNB adalah terlepas daripada sebarang liabiliti / tanggungjawab perundangan ke atas Hibah Amanah ini setelah pembayaran dibuat kepada saya.
- h. Saya mengaku bahawa maklumat saya, tabung unit amanah dan peratusan pembahagian adalah lengkap semasa dokumen Akad ini saya tandatangi.
- i. Saya faham bahawa pindaan ke atas maklumat pemberian Harta Hibah serta pembatalan Hibah Amanah ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa oleh Pemberi Hibah tertakluk kepada prosedur semasa.
- j. Saya juga bersetuju membenarkan ASNB dan kakitangan yang terlibat mempunyai akses untuk melihat dan menggunakan maklumat peribadi saya yang disertakan bersama ini bagi tujuan Hibah Amanah ini.

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Penerima Hibah / Penjaga Sah

Disaksikan bahawa Pengakuan Hibah Amanah ini telah dilaksanakan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas.

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Saksi 1

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____

Tandatangan dan / atau cap ibu jari kiri Saksi 2

Nama : _____

No. K/P : _____

Tarikh : _____